



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

SAHABAT WAKAF KORPORAT YWM SEMARAK PEMERKASAAN WAKAF MALAYSIA

Wakaf Menyumbang 10% Kepada Perkembangan Sektor Kewangan Islam Menjelang Tahun 2030

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan agensi wakaf di peringkat kebangsaan yang proaktif dalam usaha meningkatkan tabungan wakaf melalui pelaksanaan projek-projek wakaf berbentuk ekonomi, pengurusan aset-aset komersil wakaf dan pengurusan dana Wakaf Tunai Malaysia.
2. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah hadir melancarkan Sahabat Wakaf Korporat YWM dan menerusi ucapannya, beliau menyatakan **sinergi kerjasama bersama YWM ini bukan sahaja bermanfaat kepada pembangunan wakaf, tetapi turut memberi manfaat kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang merupakan pemegang amanah tunggal harta wakaf di Malaysia.**
3. **Sebanyak 21 agensi dan syarikat korporat telah menjadi rakan strategik YWM** menerusi pelbagai bentuk kerjasama seperti penyediaan platform pewakafan, perkhidmatan teknologi maklumat, perkongsian kepakaran dan pembangunan projek – projek wakaf.
4. Menurut YB Senator lagi, **YWM berperanan penting sebagai agensi pusat bagi penyatuan dana wakaf di peringkat Persekutuan, sektor korporat dan perbankan Islam seluruh Malaysia. Gerak kerja wakaf ini akan diperhebatkan lagi melalui implementasi Pelan Induk Wakaf Nasional 2025 – 2030 yang akan melibatkan semua pemain wakaf negara.**
5. **Instrumen wakaf memainkan peranan yang penting dalam pengagihan semula kekayaan dalam kalangan masyarakat. Wakaf ekonomi yang bersifat komersil menjadi fokus utama YWM dalam pembangunan wakaf agar dapat menghasilkan pulangan yang akhirnya akan dikembalikan kepada masyarakat.** Hasil daripada wakaf ekonomi ini akan digunakan bagi pembiayaan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat. **Antara aset komersil wakaf yang diuruskan oleh YWM dan anak-anak syarikatnya adalah 3 buah hotel wakaf di Terengganu, Melaka dan Perak serta 19 rumah kedai di Selangor, Johor, Melaka dan Kedah.**

6. Menerusi majlis ini juga, **Permodalan BSN Berhad (PBSN)** telah menyerahkan **dana wakaf berjumlah RM375,000** yang merupakan hasil daripada **50% dividen produk pelaburan BSN Wakaf Al-Ikhlas** kerjasama antara YWM dan PBSN. Selain itu, **sebanyak RM1.03 juta** dana wakaf telah disumbangkan oleh **Sahabat Wakaf Korporat YWM** yang ingin turut bersama-sama mendokong aspirasi wakaf Malaysia.
7. YB Senator turut memaklumkan **kejayaan di mana prestasi semasa bagi dana Unit Amanah Kenanga Waqf Al-Ihsan dan dana Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah** yang merupakan produk pelaburan berkaitan wakaf kerjasama YWM dan Kenanga Investors Berhad telah mencatat keuntungan sebanyak **19.38% dan 29.43%** setakat **12 Julai 2024**. Kenanga Investors Berhad selaku pengurus dana yang dilantik bagi kedua-dua dana ini turut memaklumkan potensi pengisytiharan dividen sebanyak **0.14 sen seunit** bagi dana Kenanga Waqf Al-Ihsan dan **0.15 sen** untuk dana Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah bagi tahun kewangan 2024.
8. Seiring dengan ulang tahun ke 16 YWM pada hari ini, YWM dengan penuh iltizam akan terus mengorak langkah **memperkasakan wakaf secara global selaras agenda nasional iaitu wakaf menyumbang 10% kepada pengembangan sektor kewangan Islam menjelang tahun 2030**.

- TAMAT -

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media, Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my